



13 Februari 2013  
13 February 2013  
P.U. (A) 46

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (BANDARAYA KUALA LUMPUR) 2013

### *ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD) (CITY OF KUALA LUMPUR) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)  
(BANDARAYA KUALA LUMPUR) 2013

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 407 yang disiarkan pada 14 Disember 2012, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*];

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Dato Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta itu, Dato Bandar Kuala Lumpur, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang tersebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) 2013**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

**Larangan**

2. Pemanduan semua kenderaan di atas bahagian jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan dari arah yang ditentukan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang.

# JADUAL PERTAMA

| (1)                                                                                                                                                                          | (2)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | (3)                    |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
| <i>Jalan yang baginya<br/>larangan terpakai</i>                                                                                                                              | <i>Arah yang ditentukan</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | <i>Tempoh larangan</i> |
| Jalan Changkat Stadium dari persimpangannya dengan Jalan Hang Jebat hingga ke persimpangannya dengan Jalan Stadium sebagaimana yang ditandakan dalam peta dalam Jadual Kedua | <p>(i) Kenderaan dari Jalan Hang Jebat menghala ke Jalan Stadium hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p> <p>(ii) Kenderaan dari Jalan Stadium menghala ke Jalan Hang Jebat hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p> | Mulai 1 Januari 2013   |